

# TH pastikan kos tunai haji tidak meningkat melalui kontrak jangka panjang

UM 9/11/2023

MS: 3

## Dari muka 1

Selain itu, kata Mohd. Na'im, aktiviti pembesaran berterusan kawasan di Mekah dan Madinah telah menyebabkan banyak bangunan penginapan jemaah haji dirobohkan dan tindakan itu memberi tekanan kepada harga sewaan di lokasi baharu.

Kata beliau, Arab Saudi juga mengenakan pelbagai bayaran perkhidmatan yang disediakan untuk kebajikan dan keselamatan jemaah haji sepanjang mereka berada di Tanah Suci.

"Justeru, peningkatan kos haji tidak dapat dielakkan kerana ia terdedah kepada faktor di luar kawalan TH. Ini termasuk juga kadar inflasi dan percukian di Arab Saudi, kadar tukaran mata wang ringgit berbanding

riyal dan dolar Amerika Syari'at (AS\$)," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Mohamad Shafizan Kepli (GPS-Batang Lupar) mengenai faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos untuk mengerjakan haji, serta syarat dan kelayakan baharu ditetapkan.

Menurut beliau, TH sentiasa peka dengan menyemak secara terperinci kos haji yang terkesan akibat peraturan dan cukai baharu yang diperkenalkan kerajaan Arab Saudi.

"Dengan memeterai perjanjian kontrak jangka panjang, harga beberapa jenis perkhidmatan dapat ditetapkan untuk satu tempoh masa dan tidak dinaikkan setiap tahun," kata beliau.

Sementara itu, mengenai

syarat dan kelayakan mengerjakan haji pada 1445H pula, katanya, ia sama seperti musim haji 1444H melainkan jika ada peraturan baharu yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Arab Saudi.

"Antaranya ialah tiada had umur ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi bakal jemaah haji yang ingin menunaikan haji," katanya.

Mohd. Na'im berkata, kadar bayaran haji dan bantuan kewangan haji akan diumumkan selepas perbincangan menyeluruh dibuat dengan mengambil kira keupayaan serta kedudukan kewangan TH.

Kata beliau, TH akan terus memberi bantuan kewangan untuk jemaah haji Muassasah yang berkelayakan.

Seain itu, katanya, bakal jemaah haji dinasihati mengambil suntikan vaksin tambahan membabitkan influenza dan pneumococcal di kemudahan kesihatan swasta dengan kos ditanggung sendiri.

Beliau berkata, setiap bakal jemaah haji juga perlu lulus pemeriksaan kesihatan dengan kriteria dan garis panduan kesihatan yang ditetapkan, sebelum dibenarkan berangkat ke Tanah Suci.

"Vaksin tambahan ini dijalankan kerajaan berikutnya keadaan di Arab Saudi yang begitu panas, dan ia boleh berfungsi sebagai perlindungan," katanya. Kos bagi menunaikan ibadah haji tahun depan dianggarkan meningkat mencecah 11 peratus berbanding tahun ini.